



14 April 2014  
14 April 2014  
P.U. (B) 125

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERISYTIHARAN LEBUH RAYA SUNGAI BESI SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

*DECLARATION OF SUNGAI BESI HIGHWAY  
AS A DESIGNATED FEDERAL TERRITORY ROAD*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERISYTIHARAN LEBUH RAYA SUNGAI BESI  
SEBAGAI JALAN WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DITETAPKAN

MENURUT takrif “jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan” di bawah seksyen 67 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri, setelah berunding dengan Dato Bandar Kuala Lumpur, mengisytiharkan bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Sungai Besi yang bermula dari—

- (a) kilometer 5.9 laluan utama di koordinat U337094.354, T412330.268 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 21.2 laluan utama di koordinat U346806.626, T415590.054 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) termasuklah Plaza Tol Mines (Utara), Persimpangan Bertingkat Pekan Sungai Besi, Persimpangan Bertingkat Lingkaran Tengah 2, Persimpangan Taman Castlefield, Persimpangan Bertingkat Bandar Tasik Selatan, Persimpangan Bertingkat Kuchai Lama, Persimpangan Bertingkat Salak Jaya, Persimpangan Bertingkat Hubungan Timur-Barat, Tanjakan Salak Selatan, Tanjakan Salak Selatan (Utara), Persimpangan Razak Mansion, Tanjakan Jalan Istana, Persimpangan Bertingkat Ikan Emas, Tanjakan Jalan Loke Yew, Plaza Tol Loke Yew, Tanjakan Jalan Cheras, Tanjakan Shamelin Perkasa dan Tanjakan Jalan Perkasa/Jalan Pandan 1, iaitu suatu jarak sepanjang 15.3 kilometer;
- (b) kilometer 0.0 Hubungan Istana di koordinat U345245.105, T414032.765 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 2.3 Hubungan Istana di Tanjakan Jalan Istana di koordinat U345713.126, T411932.191 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), iaitu suatu jarak sepanjang 2.3 kilometer;
- (c) kilometer 0.0 Hubungan Besraya di koordinat U343708.791, T412258.890 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 0.7 Hubungan Besraya di koordinat U344463.584, T412262.787 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), iaitu suatu jarak sepanjang 0.7 kilometer; dan

(d) kilometer 0.0 Hubungan Pandan di koordinat U345665.352, T414843.753 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 1.2 Hubungan Pandan di koordinat U346290.969, T415821.825 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), iaitu suatu jarak sepanjang 1.2 kilometer,

sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan berkuat kuasa mulai 15 April 2014.

2. Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan itu ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

3. Sebahagian jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan di bawah perenggan 1 telah diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Sungai Besi) 1999 [P.U. (A) 198/1999].